

09/07/1997

Anwar arah bantu Sukom

KUALA LUMPUR, Selasa - Seluruh jentera kerajaan yang terbabit secara langsung dengan penganjuran Sukan Komanwel 1998 diarahkan memberi bantuan dan sokongan jitu, terutama dari segi tenaga kerja dan peruntukan.

Arahan itu dikeluarkan oleh Pemangku Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim ketika mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Sukan Komanwel 1998, di sini, hari ini.

Berikutan itu, Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Pengerusi Eksekutif Sukom Ninety Eight Berhad (Sukom 98), Jen (B) Tan Sri Hashim Mohd Ali, diberikan mandat untuk berurusan terus dengan sesetengah agensi dan jabatan kerajaan terbabit.

Memberitahu pemberita selepas mesyuarat itu, Muhyiddin bagaimanapun berkata, jika ada soal yang memerlukan keputusan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad atau Anwar, ia akan dirujuk kepada mereka.

Mesyuarat dua jam itu turut dihadiri beberapa menteri Kabinet, pegawai kanan kerajaan serta pegawai pelbagai jawatankuasa yang ditubuhkan.

Anwar berpuas hati dengan laporan kemajuan dan persiapan yang disampaikan oleh Hashim.

Menurut Muhyiddin, mesyuarat itu juga bersetuju menyusun semula struktur Jawatankuasa Eksekutif Sukan Komanwel melalui pengwujudan 16 jawatankuasa pengurusan baru. Sebelum ini, Majlis Sukan Komanwel mempunyai lima jawatankuasa, manakala Sukom 98, 12.

Jawatankuasa pengurusan baru itu membabitkan infrastruktur dan kemudahan; penyediaan atlet; perkhidmatan sokongan; kebudayaan, kesenian dan pelancongan; publisiti dan komunikasi; pembukaan dan penutup; kewangan; perubatan dan ujian dadah; pemasaran; kecantikan bandar dan gelanggang; keselamatan dan trafik; sukan dan penyediaan pegawai teknikal; pengangkutan; upacara; Sukom 98 dan protokol.

Setiap jawatankuasa itu akan dipengerusikan sama ada oleh Ketua Setiausaha kementerian, Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Bandar, Ketua Polis Negara atau individu tertentu.

"Format baru ini bukan bertujuan mengambil alih Sukom 98, tetapi bagi mengukuhkannya di samping memudahkan pelaksanaan tugas serta menjadikan pengelolaan sukan itu lebih cekap," katanya.

Serentak itu, Jawatankuasa Pengurusan Kuala Lumpur '98 yang ditubuhkan sebelum ini, dibubarkan.

Muhyiddin berkata, Jawatankuasa Eksekutif itu akan bermesyuarat setiap bulan bagi mengetahui perkembangan terbaru perjalanan sukan yang dianggap kedua terbesar di dunia, selepas Sukan Olimpik.

Sementara itu, Hashim berkata, mulai minggu depan Sukom 98 akan mengadakan sidang akhbar setiap bulan sehingga Sukan Komanwel bermula September 1998.

(END)